



جہاتن اركان اسلام سراوق

JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK
Tingkat 14,
Majma' Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah,
Jalan P. Ramlee,
93400 Kuching, Sarawak.

Tel : 082-507077/ 507707

Faks : 082-507241/ 507089/ 507085

Ruj: Kami : JAIS/KIM/PMS/700-2/1/1 (20)
Tarikh : 26 Disember 2018M
18 Rabiulakhir 1440H

SEMUA Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid Seluruh Negeri Sarawak

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

PEMANSUHAN PENETAPAN TEMPOH PELANTIKAN PEGAWAI MASJID BERUMUR 70 TAHUN DAN KE ATAS

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklum bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid Surau Negeri Sarawak (JPHEMSNS) Kali Ke-23 Bil. 4/2018 pada 16 Oktober 2018 telah bersetuju memutuskan untuk memansuhkan penetapan tempoh lantikan bagi Pegawai Masjid yang berumur 70 tahun dan ke atas dengan syarat masih mampu berkhidmat.

3. Sehubungan itu, mohon semua JKP mengambil perhatian dan tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

- i. Tarikh kuatkuasa arahan ini adalah pada 17 Oktober 2018;
- ii. Memorandum Rasmi no rujukan JAIS/KIM/PMS/700-2/1/1 (2) bertarikh 2 Mei 2018 adalah dimansuhkan;
- iii. Permohonan boleh dibuat bagi pelantikan baru dan pelantikan semula; dan
- iv. Permohonan pelantikan hendaklah dibuat melalui sistem e-Masjid (www.emasjid.sarawak.gov.my) dengan dokumen-dokumen sokongan yang lengkap.

4. Atas perhatian dan kerjasama Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Wassalam.

"ISLAM SEBAGAI AMALAN HIDUP"
"BERSATU, BERUSAHA, BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"

(HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)
Pengerusi
Jabatan Agama Islam Sarawak